

14/07/2000

Pengarah syarikat didenda RM75,000

KUALA LUMPUR, Khamis - Seorang pengarah syarikat didenda RM75,000 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini, selepas didapati bersalah membuat tawaran kepada orang awam supaya membeli saham skim Sri Asean Eko-Resort, sehingga menyebabkan kerugian sebanyak RM4.6 juta.

Hishamuddin Ismail, 36, pengarah Nagasari Arif Sdn Bhd, didapati bersalah membuat tawaran langganan kepada orang awam bagi pembelian saham projek pusat peranginan, Sri Asean Eko-Resort.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Lot 1B, Aras 2, PWTC, Jalan Tun Ismail, antara Disember 1995 dan Ogos 1996.

Hishamuddin didakwa mengikut Seksyen 363(3) Akta Syarikat 1965 yang boleh membawa hukuman maksimum penjara 10 tahun atau denda RM250,000 atau kedua-duanya.

Bagaimanapun, sehingga jam 4 petang ini, Hishamuddin masih gagal membayar denda itu.

Sebelum itu, Timbalan Pendakwaraya Al Baishah Abd Manan berkata, daripada siasatan yang dilakukan didapati tertuduh berjaya menarik lebih 1,000 orang awam untuk melabur RM4.6 juta dalam skim itu.

Katanya, projek Sri Asean Eko-Resort itu dijangka dilaksana di Medan, Indonesia dan bagi menjayakannya, tertuduh membabitkan syarikat luar negeri seperti Sri Asean International Limited yang diperbadankan di British Virgin Islands.

"Tertuduh melancarkan skim ini dengan menggunakan saluran komunikasi awam yang cukup berpengaruh iaitu Rancangan Malaysia Hari Ini di TV3 dan menjemput orang awam menyertai dan melabur di dalam skim itu.

"Sebagaimana yang kita sedia maklum program ini dapat ditonton siarannya oleh semua orang di serata pelosok negara yang pasti mendapat sambutan positif daripada penonton," katanya.

Beliau berkata, perkara itu terbukti dari keterangan oleh sebahagian pelabur yang menyatakan mereka mengetahui dan terpengaruh mengenai skim itu selepas disiarkan di TV3.

"Kutipan yang diperolehi dari orang awam ini adalah satu amanah untuk tertuduh menunaikan dengan cara yang betul, berkesan dan memberi pulangan setimpal dengan pelaburan mereka.

"Bagaimanapun, tertuduh menggunakan kesempatan ini dan memberi perkhidmatan dengan tidak mematuhi undang-undang. Kesannya projek yang dijanjikan terbengkalai dan tidak dapat dilaksanakan," katanya.

Sebelum itu, Hishamuddin melalui peguamnya K Ganesh membuat rayuan kepada mahkamah supaya mengenakan hukuman ringan kepada tertuduh.

Katanya, tertuduh berpenyakit polio sejak dia berusia 1 tahun dan ketika berusia lima tahun, dia mengalami penyakit lelah.

"Hishamuddin dalam pemeriksaan SPM memperoleh 9A dan seorang daripada 10 pelajar terbaik negara.

"Ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadihkan sebuah kerusi roda kepada Hishamuddin," katanya.

Ganes berkata, tertuduh dikenakan jaminan RM25,000 ketika didakwa dulu dan oleh kerana keluarganya tidak mampu membayar jaminan itu, dia direman di penjara selama lima hari sehingga diserang penyakit lelah.

Berikutan itu, beliau memohon mahkamah hanya mengenakan hukuman denda saja kepada Hishamuddin.

(END)